



TEKS UCAPAN

**YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI s.l.s
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

DI

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OKTOBER 2022 SERTA
PELANCARAN BUKU PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH
(CRM) DAN BUKU PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**17 OKTOBER 2022 (ISNIN)
8.30 PAGI, LOBI MENARA MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih pengacara majlis,

Yang Berusaha TPj. Dato' Alias bin Salim

Pengarah,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman

Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha PKPj. Tuan Ridzuan bin Ab Malik

Timbalan Pengarah, Bahagian Pencegahan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor

Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr)

Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri,

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan
Salam 25 Tahun Penuh Kemakmuran,**

1. Pertamanya, suka saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama berkumpul di Majlis Perhimpunan Bulan Oktober 2022 serta Pelancaran Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPS.
2. Kita juga bertuah pada hari ini kerana bersama-sama dengan kita, ialah Yang Berbahagia TPj. Dato' Alias bin Salim, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan semua barisan kepimpinan SPRM Negeri Selangor yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis untuk membantu dalam usaha MPS memperkasakan tadbir urus yang bersih, telus dan berintegriti. Kehadiran pasukan SPRM dalam majlis ini merupakan simbolik komitmen yang tinggi oleh SPRM untuk membantu MPS mewujudkan sebuah jabatan yang bebas rasuah dan "zero tolerance" terhadap perlakuan jenayah rasuah.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan urus setia yang bertungkus lumus menjayakan majlis pada hari ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Majlis dan seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini.

YAD Tan Sri, Yang Berbahagia Dato' tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PELANCARAN BUKU PELAN CRM & OACP

4. Rasuah merupakan satu perbuatan yang begitu keji, baik dari sudut pandangan agama, mahupun dari sudut moral sebagai manusia. Perbuatan rasuah bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit, malahan sebarang bentuk pemberian atau tajaan yang mendorong seseorang individu untuk melakukan atau tidak melaksanakan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi sebagaimana yang telah diamanahkan kepadanya.
5. Selain itu, perlu kita fahami bahawa salah guna kuasa pula berlaku apabila seseorang individu menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan. Ia juga sebenarnya merupakan perbuatan rasuah yang perlu ditolak

dan dicela. Rasuah tidak akan memberi kebaikan, sebaliknya penuh dengan kehinaan dan kehancuran. Hinanya rasuah, menyebabkan ketamadunan sesebuah Negara runtuh, dan itulah yang dibuktikan melalui sejarah kejatuhan Kota Melaka yang merupakan empayar agong perdagangan di Tanah Melayu pada suatu ketika dulu. Sebab itulah, sebagai seorang Islam telah mengingatkan kita berulang-ulang kali Sabda Nabinya "Orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah maka kedudukannya adalah di dalam neraka" dan dalam satu hadis yang lain Nabi Muhammad SAW telah memberikan penekanan yang mana Baginda telah bersabda "Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya"

6. Untuk itu, MPS tidak sesekali akan berkompromi dengan pelaku-pelaku rasuah dan akan memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM supaya sesiapa yang didapati bersalah , perlu menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatannya. Saya tak berhasrast untuk mengupas lebih panjang, kita ada TPj Dato' Alias yang akan mengupas lebih terperinci mengenai perkara ini selepas ini, ataupun semasa sesi dialog yang akan diadakan nanti selepas ini.

7. Pada hari ini kita amat bertuah kerana menerima kehadiran pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak SPRM yang sudi bersama-sama kita pada pagi ini. Untuk makluman, dua buku pelan akan dilancarkan hari ini iaitu **Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)** dan **Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**. Pelan ini telah dirangka dengan kerjasama SPRM sebagai panduan kepada warga kerja MPS serta pihak berkepentingan dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah agar setiap aktiviti yang dilaksanakan sentiasa patuh kepada peraturan serta bebas daripada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
8. Berkesinambungan dari Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019, matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional iaitu "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah". Justeru, saya berharap dengan pelaksanaan OACP MPS ini bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga MPS khususnya.

9. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat. Semoga kesemua 21 pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan sepertimana tempoh yang dijanjikan.

10. Saya menyeru kepada semua pihak khususnya warga kerja MPS bersama-sama berganding bahu dalam menjadikan organisasi ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta bertindak dengan lebih integriti dalam apa jua tindakan.

YAD Tan Sri, Yang Berbahagia Dato' tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

AUDIT DALAM MS ISO

11. Alhamdulillah, Audit Dalam MS ISO 9001:2015 bagi tahun 2022 telah berakhir dengan jayanya pada 14 Oktober 2022 yang lepas. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan.

12. Namun harus juga saya ingatkan untuk semua bersiap siaga bagi menghadapi Audit Pemantauan ISO 9001:2015 yang akan diadakan pada 9 hingga 11 November 2022 oleh SIRIM QAS International. Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan sistem pengurusan kualiti MPS (SPK) dipatuhi, jadi saya berharap agar usaha yang ditunjukkan oleh semua warga MPS membuahkan hasil dan kita akan dapat mengekalkan pensijilan pada kali ini.

YAD Tan Sri, Yang Berbahagia Dato' tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**PROGRAM PERASMIAN PUBLISITI DAN PENYERTAAN
AWAM DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR
BATU ARANG 2030**

13. Untuk makluman, MPS akan mengadakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Batu Arang 2030 pada 21 Oktober 2022 bertempat di Galeri Batu Arang.

14. Rancangan Kawasan Khas atau secara ringkasnya disebut RKK ini telah disediakan mengikut ketetapan perundangan yang terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa

1976 (Akta 172) yang mana ia perlu dihebahkan dan diwartakan. Penyediaan Draf RKK ini telah mengambil kira maklum balas daripada pelbagai pihak melalui siri perbincangan kumpulan fokus, sesi percambahan idea, bengkel dan mesyuarat bersama agensi di Peringkat Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti setempat.

15. Harapan saya semoga dengan adanya Draf RKK Bandar Batu Arang ini akan merancakkan lagi pembangunan di Daerah Gombak dan seterusnya bertindak sebagai pemangkin pada pembangunan kemudahan infrastruktur dan industri pelancongan yang bertaraf antarabangsa.

SELAMAT MENYAMBUUT HARI DEEPAVALI

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali pada 24 Oktober 2022 nanti kepada warga Majlis Perbandaran Selayang khususnya penganut agama Hindu. Semoga cahaya yang melambangkan Perayaan Deepavali ini akan menyinari kesejahteraan hidup dan nilai-nilai yang mengukuhkan perhubungan dan persahabatan kita semua juga memekarkan lagi perpaduan, menyimpulkan ikatan tali perhubungan dan keharmonian sesama kita.

